Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
53(1)(2026): 149-168
https://doi.org/10.17576/jebat.2026.5301.08

Warkah-warkah Terpilih daripada *Light Letters* (MS 40320) bagi Pengkajian Sejarah Ekonomi Terengganu, 1780an-1794

Selected Correspondence From The Light Letters (MS 40320) for The Study of Terengganu's Economic History, 1780s–1794

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF* & AZMI ARIFIN
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
Corresponding author: snhafizah@usm.my

Received: 16 July 2025 Accepted: 22 November 2026

Abstrak

Koleksi surat-surat Light atau *Light Letters* merupakan himpunan surat Melayu yang terbesar dan paling signifikan yang masih wujud hingga ke hari ini. Namun penggunaan surat ini oleh pengkaji masih belum benar-benar meluas. Misalnya, surat ini masih kurang digunakan untuk membincangkan sejarah ekonomi Terengganu pada dekad-dekad akhir kurun ke-18 yang sedang mengalami perubahan yang signifikan iaitu peningkatan pengaruh British melalui peranan pedagang-pedagangnya. Persoalannya, bagaimanakah kedudukan Terengganu dalam aktiviti perdagangan pada dekad-dekad akhir kurun ke-18 dan apakah peranan Terengganu dalam kegiatan perdagangan serantau dan antarabangsa yang semakin rencam ekoran peningkatan minat pedagang-pedagang Eropah untuk mengukuhkan penguasaannya di rantau Asia. Penulisan ini merupakan kajian disiplin sejarah, menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu analisis dokumen sumber primer yang merupakan koleksi transliterasi *Light Letters* yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM). Berdasarkan warkah-warkah transliterasi *Light Letters* berkaitan Terengganu yang dipilih dalam artikel ini, penulis menghujahkan bahawa Terengganu merupakan negeri yang penting dalam perdagangan maritim serantau mahupun antarabangsa. Francis Light dan rakan dagangnya amat bergantung kepada Terengganu bagi memperoleh barang dagangan (lada dan timah) selain daripada turut berkongsi modal iaitu melalui sewa atau pembelian kapal dan juga muatan. Melalui perkongsian modal dan muatan ini, Terengganu turut berdagang sehingga ke China dan India. Maka, koleksi *Light Letters* ini merupakan sumber yang penting untuk diketengahkan dan digunakan dalam pengkajian sejarah Terengganu khususnya berkaitan aspek ekonomi Terengganu pada dekad-dekad akhir kurun ke-18.

Kata kunci: *Light Letters;* Ekonomi Terengganu Kurun ke-18; Sultan Mansur Syah; Saudagar Nasruddin; Francis Light

Abstract

The Light Letters collection represents the largest and most significant corpus of surviving Malay correspondence, yet remains underutilised in scholarly discourse. In particular, these documents have not been fully explored in relation to Terengganu's economic history during the transformative decades at the end of the 18th century, marked by increasing British influence through commercial activities. This raises a critical inquiry into Terengganu's position within the evolving trade landscape of the late

eighteenth century, and its role in regional and international maritime networks, particularly in the context of intensifying European commercial ambitions and expanding imperial interests in Asia. This study adopts a qualitative historical approach by analysing primary source documents—specifically the transliterated Light Letters housed at the Universiti Sains Malaysia Library. Focusing on selected letters related to Terengganu, the article argues that Terengganu played a pivotal role in both regional and global trade. Francis Light and his commercial associates were dependent on Terengganu for trade goods (pepper and tin) and capital collaboration through ship leasing or purchases and cargo sharing. These commercial partnerships enabled Terengganu to engage in long-distance trade with regions such as China and India. Accordingly, the Light Letters constitute an essential source for the study of Terengganu's history, particularly with regard to its economic dimensions in the closing decades of the eighteenth century.

Keywords: Light Letters; Terengganu Economy 18th Century; Sultan Mansur Syah; Saudagar Nasruddin; Francis Light

Pengenalan

Koleksi surat-surat Light atau *Light Letters* merupakan koleksi surat Melayu yang terbesar yang masih wujud sehingga hari ini.[1] Sungguhpun begitu, terdapat perbezaan dalam jumlah surat dan skop masa surat ini ditulis berdasarkan koleksi digital yang ada di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan penulisan Kratz[2] dan Annabel.[3] Misalnya, Perpustakaan USM menyatakan bahawa jumlah koleksi surat adalah sebanyak 1200[4] pucuk surat, Kratz[5] menyatakan 1198, manakala Annabel[6] pula menyatakan 1000 pucuk surat. Manakala dari segi skop masa koleksi surat ini ditulis pula, Kratz menyatakan merangkumi tempoh masa 1771-1794.[7] Annabel[8] pula menyatakan surat ini ditulis meliputi tempoh masa 1740-1974. Namun menurut catatan Perpustakaan USM, tempoh masa koleksi surat ini ditulis adalah meliputi tahun 1768-1794. Sungguhpun wujud perbezaan pandangan dalam jumlah pucuk surat di bawah koleksi Lights dan juga tempoh masa surat ini ditulis, kesimpulan awal dapat dibuat adalah jumlah sebenar koleksi surat ini jauh lebih besar berbanding apa yang dicatatkan oleh Perpustakaan USM mahupun Kratz dan Annabel. Hal ini kerana, setakat tahun 1768-1794 sahaja, jumlah koleksi surat Light yang berjaya ditemui adalah sebanyak 1202 surat.[9] Jika tempoh masa surat ini ditulis adalah lebih awal seperti dihujahkan oleh Annabel[10], maka sudah tentu jumlahnya adalah jauh lebih besar dan masih ada koleksi surat ini yang masih belum ditemui dan diketahui kewujudannya. Berkaitan kandungan koleksi surat-surat Light ini, kebanyakannya berkaitan urusan perdagangan walaupun kadang-kadang urusan berkaitan perdagangan ini turut diselitkan dengan aspek lain seperti politik dan sosial.[11] Justeru, koleksi surat ini mempunyai kedudukan dan kepentingan yang tersendiri dalam pengkajian tempoh masa ini dan juga peristiwa-peristiwa penting khususnya berkaitan aspek sejarah ekonomi.

Kepentingan utama koleksi *Light Letters* ini dapat dilihat daripada dua perkara. Pertama, pentarikhan rekod ini adalah semasa tempoh masa British semakin melebarkan pengaruhnya di rantau ini. W.G. Miller[12] menghujahkan bahawa dekad-dekad akhir kurun ke-18 merupakan tempoh berlakunya perubahan dalam landskap politik dan ekonomi, yang dicirikan oleh perubahan pakatan di antara pemimpin-pemimpin Melayu dan kuasa-kuasa Eropah.[13] Dalam tempoh ini, pemimpin tempatan mula menjalin kerjasama dengan British, sekali gus menandakan bahawa dominasi Belanda terhadap Kepulauan Melayu yang semakin longgar berbanding kurun sebelumnya.[14] Usaha British melebarkan pengaruhnya di rantau kepulauan Melayu pada separuh masa kedua kurun ke-18 ini juga dilakukan secara berhati-hati dan secara halus supaya tidak menjejaskan hubungan polisi luar negaranya yang pada waktu itu mengamalkan sikap berbaik-baik dengan Belanda bagi menentang

kebangkitan Perancis.[15] Hal ini kerana Perancis pada waktu ini sedang mengalami peningkatan dalam kekuatan militari dan kuasa komersialnya menyebabkan dasar berbaik-baik dengan Belanda merupakan strategi polisi luar Britain pada ketika itu.[16] Justeru, antara langkah yang digunakan oleh British ialah dengan memanfaatkan peranan pedagang persendirian atau *country traders* untuk menjalinkan hubungan perdagangannya dengan negeri-negeri di Kepulauan Melayu.[17] Maka tidak hairanlah aktiviti pedagang persendirian British semakin aktif dalam kegiatan perdagangan di rantau ini selain terdapat juga dalam kalangan mereka yang turut berusaha untuk mendapatkan koloni di Kepulauan Melayu pada separuh masa kedua kurun ke-18 bagi pihak EIC walaupun tidak dinafikan usaha tersebut berdepan pelbagai cabaran.[18]

Kedua, koleksi surat-surat Melayu selain masih belum benar-benar dikaji, surat-surat ini juga jarang diketengahkan atau digunakan sebagai sumber utama dalam mengkaji sejarah dunia Melayu walaupun surat-surat ini merupakan rekod penting dalam menerangkan segala aspek berkaitan masyarakat dan dunia Melayu. Bahkan, penggunaan surat-surat ini dalam pengkajian sejarah juga dapat membantu menghasilkan pengetahuan baharu tentang sejarah dunia Melayu.[19] Pandangan Annabel Gallop ini ada asasnya kerana setakat ini, hanya beberapa sarjana yang benar-benar mengkaji surat-surat Melayu selain beliau sendiri.[20] Manakala bagi koleksi *Light Letters* ini, setakat ini, masih kurang sarjana yang mengangkat kedudukan surat-surat ini sebagai sumber utama kecuali beberapa orang sarjana seperti Annabel[21], Kratz[22] dan Abd Ur-Rahman Mohamed Amin.[23]

Sorotan Kajian Lepas berkaitan Terengganu Pada Kurun Ke-18


Terengganu merupakan skop negeri yang menarik untuk diberi tumpuan dalam penggunaan surat-surat Light kerana pengkajian sejarah Terengganu khusunya berkaitan aspek ekonomi yang masih agak terhad. Kekurangan pengkajian sejarah negeri Terengganu ini mungkin juga berkait rapat dengan jumlah sumber yang terhad berkaitan negeri ini. Buktinya, sumber tempatan berkaitan Terengganu selain daripada ditulis oleh ahli sejarah istana Terengganu, sumber-sumber tempatan yang ada berkaitan Terengganu hanya dapat diperoleh daripada penggunaan sumber berkaitan Melaka dan Johor iaitu *Sejarah Melayu*[24]*, Tuhfat al-Nafis*[25] dan juga *Hikayat Johor.*[26] *Tuhfat al-Nafis* misalnya, merupakan antara sumber utama dan penting dalam pengkajian sejarah Terengganu kurun ke-18. Hal ini terbukti apabila sumber ini digunakan sebagai sumber penting oleh pengkaji yang mengkaji sejarah Terengganu pada kurun ini iaitu Andaya[27], Sheppard[28] dan Buyong Adil.[29]

Begitu juga, pengkajian sejarah Terengganu khususnya pada kurun ke-18 juga berkisar kepada aspek politik. Misalnya seperti pertabalan, salasilah dan keturunan sultan Terengganu, aspek pentadbiran Sultan Mansur Syah termasuklah cabaran politik dan ancaman luar negeri yang dihadapinya seperti ancaman Siam termasuklah pertelingkahan dengan Kelantan.[30] Terdapat juga karya historiografi Melayu tradisional yang berkait secara langsung dengan Terengganu yang ditulis oleh ahli sejarah istana merangkumi tahun 1770-1835. Namun karya ini juga hanya mengandungi maklumat berkaitan susur galur keturunan Sultan Mansur Syah dan aspek politik iaitu berkaitan pertikaian-pertikaian yang berlaku, penglibatan dan campur tangan Siam termasuk juga campur tangan Terengganu dalam pentadbiran Kelantan.[31] Justeru, penemuan koleksi *Light Letters* ini yang turut melibatkan Terengganu telah membuka ruang yang lebih luas kepada pengkajian sejarah ekonomi Terengganu.

Koleksi *Light Letters* berkaitan Terengganu

Koleksi *Light Letters* ini merupakan surat menyurat dalam koleksi ini adalah di antara Francis Light dengan pembesar tempatan, rakan dagang (saudagar-saudagar negeri), isteri-isteri pembesar termasuk juga dengan rakan *country traders*nya yang lain.[32] Berkaitan surat-menyurat ini juga, tarikh terawal surat ini ditulis adalah pada tahun 1768 iaitu surat berkaitan salinan perjanjian Laksamana Kedah berkenaan perdagangan dengan Salang. Warkah ini diambil dari senarai daftar barangan yang dihantar ke Salang, namun laksamana Kedah meminta salinan surat ini turut diberikan kepada Francis Light. Berdasarkan senarai ini, antara rakan niaga Laksamana Kedah pada ketika itu adalah Marikan Ban Kin Salang yang telah mengambil emas dan opium dari Kedah dengan bayaran yang perlu dijelaskan adalah dalam bentuk timah. Selain itu, seorang lagi saudagar dari Salang bernama Waprak Kit turut direkodkan mengambil barangan berupa emas putih, garam dan opium daripada Laksamana Kedah dengan bayarannya juga dalam bentuk timah. Urus niaga ini adalah secara hutang dan kedua-dua saudagar ini belum lagi menjelaskan sepenuhnya bayaran dalam bentuk timah tersebut. Menariknya, walaupun Francis Light tidak terlibat dalam urusan perniagaan ini, salinan surat ini turut diminta diberikan kepada Francis Light dengan tujuan beliau membantu memperoleh semula hutang Laksamana Kedah daripada saudagar Salang yang telah lama tertunggak tersebut. Hal ini memberi gambaran bahawa Francis Light bukanlah asing dalam jaringan perdagangan negeri-negeri Melayu seperti Kedah, iaitu sekurang-kurangnya sejak tahun 1768, hampir dua dekad sebelum pendudukannya di Pulau Pinang pada tahun 1786.[33]

Berkaitan koleksi *Light Letters* Terengganu, jumlahnya yang membabitkan negeri ini adalah agak besar seperti ditunjukkan dalam Rajah 1,



Rajah 1: Jumlah kandungan koleksi *Light Letters* mengikut Negeri-Negeri Melayu (Semenanjung Tanah Melayu).

Sumber: Berdasarkan rekod digital *Light Letters* di Perpustakaan USM, diakses daripada http://www.lightletters.usm.my/ (menggunakan kata carian negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu sahaja).

Merujuk kepada Rajah 1 yang memaparkan koleksi *Light Letters* mengikut negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, jumlah surat yang melibatkan Terengganu adalah sebanyak 70 pucuk, iaitu lebih tinggi jumlahnya daripada negeri Perak yang merupakan negeri yang berdekatan Pulau Pinang. Perkara ini menarik kerana Terengganu terletak di Pantai Timur Semenanjung iaitu jauh dari Pulau Pinang yang merupakan koloni Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) selepas diambil alih Francis Light pada tahun 1786,[34] kecuali dua surat sahaja yang tarikhnya adalah pada tahun 1785 iaitu diutus oleh Sultan Mansur Syah kepada Francis Light[35] dan juga surat berkaitan senarai barang jualan oleh Kapitan Bongkol kepada Saudagar Nasruddin[36] yang merupakan saudagar yang menjalankan urusan perdagangan bagi Sultan Terengganu.[37] Berkenaan kandungan koleksi *Light Letters* berkaitan Terengganu, terdapat tiga individu utama dari negeri tersebut yang sering muncul dalam surat menyurat tersebut iaitu Saudagar Nasruddin yang berjumlah 42 pucuk surat, Sultan Mansur Syah, berjumlah 12 pucuk surat dan Sultan Zainal Abidin II yang berjumlah empat pucuk surat. Manakala nama saudagar dan individu lain dari Terengganu hanya muncul dalam beberapa pucuk surat sahaja dalam koleksi surat tersebut.

Daripada 70 surat berkaitan Terengganu ini, 43 daripadanya adalah dari Terengganu kepada Francis Light. Manakala surat dari Francis Light kepada Terengganu pula berjumlah 10 pucuk. Surat-surat lain pula hanya menyebut Terengganu secara tidak langsung. Hampir kesemua intipati surat ini adalah berkaitan perdagangan kecuali dua pucuk surat sahaja intipati utamanya adalah berkaitan politik iaitu ancaman dan masalah dengan Siam ke.[38] Satu lagi surat masih lagi berkaitan masalah dengan Siam, namun turut juga diselitkan perdagangan.[39] Selebihnya adalah berkaitan perdagangan seperti berkaitan permintaan dan perolehan komoditi dagangan, perkongsian muatan dan kapal, hutang dan ambilan barang dagangan selain turut memaparkan isu berkaitan perdagangan iaitu sikap kapitan-kapitan British yang dianggap biadap dan tidak menghormati adat Melayu dan raja-rajanya.[40] Bahkan ada juga pedagang British ini yang bertindak melanggar peraturan perdagangan seperti menjual opium secara langsung kepada pembeli tanpa melalui wakil yang dilantik sultan.[41] Justeru, koleksi surat ini, yang bertarikh antara tahun 1785 hingga 1794 adalah sangat signifikan dalam kajian berkaitan kedudukan dan peranan negeri ini dalam jaringan perdagangan serantau dan antarabangsa serta sekali gus meluaskan skop pengkajian sejarah Terengganu dalam aspek ekonomi.

Warkah Terpilih

Warkah-warkah terpilih daripada koleksi *Light Letters* membabitkan Terengganu ini adalah berkaitan perolehan barang dagangan, pelawaan perkongsian modal sama ada daripada Francis Light mahupun Sultan Terengganu iaitu Sultan Mansur Syah serta saudagar yang mewakili sultan iaitu Saudagar Nasruddin. Pelawaan perkongsian modal ini adalah bertujuan menjalankan kegiatan perdagangan serantau dan juga perdagangan dengan India dan China pada dekad-dekad akhir kurun ke-18. Warkah-warkah terpilih ini mengesahkan bahawa negeri-negeri Melayu, seperti Terengganu, memainkan peranan penting dalam pengukuhan pendudukan Francis Light di Pulau Pinang. Bahkan, pembangunan Pulau Pinang sebagai pelabuhan antarabangsa turut bergantung pada sokongan serta hubungannya dengan pemerintah, pembesar, dan pedagang tempatan dari negeri-negeri Melayu pada ketika itu.[42] Sokongan daripada sultan, pembesar dan pedagang tempatan ini akhirnya turut membantu memecahkan penguasaan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) ke atas komoditi-komoditi tertentu seperti eksport bijih timah yang akhirnya berjaya dikuasai oleh Pulau Pinang yang merupakan koloni Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC).[43] Walaupun warkah berkaitan Terengganu adalah berjumlah 70 pucuk surat seperti dinyatakan sebelum ini, namun intipati utama hampir keseluruhan surat ini masih sama iaitu berkaitan kegiatan perdagangan. Maka untuk penulisan ini, hanya empat warkah sahaja dipilih untuk perbincangan. Pemilihan warkah-warkah ini bagi menonjolkan wujudnya pelawaan

perkongsian modal antara kedua-dua pihak, jaringan ekonomi Terengganu di peringkat serantau serta antarabangsa dan komoditi utama yang diperlukan oleh British *country traders* dari Terengganu.

Warkah Terengganu Terpilih 1

No. Rujukan:
MS 40320/11, f.75

Tarikh Dokumen:
7 Muharam 1203 / 8 Oktober 1788

Tajuk:
Surat Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan perdagangan timah dan tumpang kapal pergi haji

Transliterasi:

"Bismillah al-Rahman al-Rahim

Bahawa ini warkat al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas serta tulus dan ikhlas yang tiada berkesudahan dan kasih sayang yang tiada berhingga iaitu daripada Seri Paduka ayahanda Yang Dipertuan Besar yang di atas tahta kerajaan negeri Terengganu Darul Salam barang disampaikan Tuhan Khaliq al-'alam apalah kiranya kepada sahabat kita dan kekasih kita iaitu anak kita Gurnador Pulau Pinang yang ada dengan istirahat al-khair sihat dan afiat serta mempunyai kerajaan dan kebesaran dalam daerah kantor kompeni maka ialah yang masyhur wartanya di atas angin dan di bawah angin pada hal gagah perkasa pada medan peperangan dan lagi maha bijaksana pada hal melakukan kasih berkasihan serta tolong menolong pada sekalian sahabatnya Orang Besar2 dan lagi terlalu arif pada hal memerintahkan pekerjaan sekalian taulannya Orang Besar2 di bawah angin ini dan serta amat budiman pada hal melakukan tadbir perintah khair dan solah serta memberi manfaat dan kebajikan atas segala sahabatnya dan taulannya samanya Orang Besar barang dipanjangkan Allah umur usianya serta diselamatkan Allah daripada segala mara bahaya dunia selagi ada hayat zamannya maka masyhurlah bandarnya yang makmur serta segala dagang pun dalam sentosa maka barang ditambah Allah kebesarannya dan kemuliaannya dengan kesenangan dan kesentosaan selagi ada cakerawala matahari dan bulan wa ba'dah

barang mafhum kiranya sahabat kita maka akan hal warkah yang sahabat kita ihtimalkan kepada Orang Kaya Seri Wangsa dan Syaudagar Nasruddin itu telah sampailah kepada kita pada saat yang mulia dan pada ketika yang ria maka kita sambutlah dengan beberapa takzim serta hormat dan kebesaran dan kemuliaan isti'adah negeri maka serta terbuka daripada meteri lafifahnya maka berhamburlah baunya yang harum seperti ambar dan kesturi maka serta dilihat pada awal satarnya hingga akhirnya maka bercahaya2 hurufnya seperti mutiara yang dikarang maka fahamlah kita barang yang termazkur dalamnya daripada pengajar yang kebajikan itu lagi memberi sentosa selamat al-khair akan pekerjaan segala negeri di bawah angin ini maka sangatlah kita menerima kesukaan dan keredhaan akan kasih sayang anak kita akan kita itu adanya syahadan maka serta kita menengar warta anak kita hendak menolong kita pada barang sesuatu kesakitan kita maka sangatlah kita menerima kesukaan dan keredhaan maka tiadalah dapat kita balas akan kebajikan anak kita itu sebermula daripada hal anak kita menghendaki timah dua ratus pikul suruh beri kepada kapal yang hendak pergi ke China itu

maka pada ketika kapal itu datang hendak menerima timah maka timah belum sampai maka serta lepas kapal itu berlayar maka datang timah sedikit dari Palembang[44] maka kita berikan Kapitan Glas adanya maka jikalau ada barang sesuatu hajat maksud anak kita maka hendaklah anak kita beri mari surat barang sebaris boleh kita cari bicarakan beri pergi maka daripada hal timah adalah masyaqqah sedikit kerana tiada ada dalam Terengganu anak kita pun ketahui maka seperti lada Insya Allah Ta'ala beberapa banyak anak kita kehendaki boleh kita bicarakan beri mana sedapatnya adanya maka daripada hal negeri Terengganu dengan tolong Allah dan RasulNya adalah senang sudah tetap dahulu Allah wa ba'da RasulNya telah haraplah kita akan penolong anak kita pada barang sesuatu kesakitan kesukaran kita dan jikalau ada barang sesuatu kesakitan kesukaran melainkan kita memberi tahu anak kita pada sekalian perkaranya dan seperkara lagi daripada hal haji2 hendak pergi ke haji[45] itu maka adalah kita tumpangkan di kapal Kapitan Glas maka hendaklah anak kita tolong tumpangkan pula dari Pulau Pinang ke Mumbai atau Surati atau Malibari maka Allah Allah telah sangatlah harap kita akan penolong anak kita akan haji2 itu pebela akan dia serta tumpangkan di kapal dengan segeranya tamat al-kalam tiadalah sesuatu cenderamata hanyalah kain besar sehelai tiadalah sepertinya hanyalah seperti bunga setangkai jua adanya diperbuat surat ini pada tujuh haribulan Muharam pada sanah 1203"

Warkah Terpilih Terengganu 2

No. Rujukan:
MS 40320/11, f.87

Tarikh dokumen:
14 Zulkaedah 1203/ 6 Ogos 1789

Tajuk:
Surat Saudagar Nasruddin kepada Francis Light berkaitan perdagangan timah, lada, dan senjata

Transliterasi:

Qawluhu al-Haqq

Hamba Dato' Syaudagar Nasruddin yang ada terqawaf di negeri Terengganu Darul Salam barang disampaikan Tuhan Khaliq al-'alam apalah kiranya kepada pihak hadrat Dato' Gurnador yang ada istiqam di Pulau Pinang serta memegang perintah dan tadbir dalam daerah kantor kompeni barang ditambah Tuhan Allah kebesarannya dan kemuliaannya selagi ada cakerawala matahari dan bulan dan dianugerah Allah sihat dan afiat selagi ada hayat zamannya wa ba'dah

barang maklum kiranya hadrat Dato' maka daripada hal hamba Dato' berlayar tahun dahulu hendak ke Palembang maka lalu hamba Dato' singgah Mempawah dan Pontanak maka serta hamba Dato' sampai ke Pontanak ada kira2 dua bulan maka datang khabar akan hal Kapitan Glas sudah tenggelam kapalnya maka serta hamba Dato' dengar khabar Kapitan Glas demikian itu maka tiadalah jadi hamba Dato' pergi ke Palembang maka hamba Dato' berlayarlah dari Pontianak maka lalu singgah Mempawah dan Sambas maka serta hamba Dato' sampai ke Sambas maka datang pula khabar akan hal Kapitan Bek dengan maklumnya sudah mati di Pulau Pinang maka kici pun tinggal di Pulau Pinang kepada

hadrat Dato' maka pada tahun ini banyaklah kesusahan hamba Dato' serta dengan kerugian maka hamba Dato' pun berlayarlah dari Sambas pulang ke Terengganu maka serta hamba Dato' sampai ke Terengganu maka akan hal negeri Terengganu pun dalam susah kerana orang Siak hendak melanggar Terengganu adanya sebermula daripada hal suruhan Dato' Kapitan Hamatan maka hamba Dato' pun sampai ke Terengganu maka dianya sudah ada di Terengganu dan serta ia membawa surat Dato' akan hamba Dato' maka surat itupun sampailah kepada hamba Dato' maka hamba Dato' sambutlah dengan beberapa hormatnya maka serta dibuka daripada meterinya maka kharajlah kalam dan nizam maka fahamlah hamba Dato' barang yang termazkur dalamnya maka tersebut dalamnya Dato' suruh tolong akan Kapitan Hamatan maka hamba Dato' tolong akan dia mana sekuasa hamba Dato' maka daripada hal timah maka segala suruhan hamba Dato' pergi ke Palembang belum lagi datang dan akan hal lada hamba Dato' beri akan dia mana sekadarnya dan daripada hal dagangannya opiun patna sudah dijualnya sebelum hamba Dato' sampai maka akan opiun yang lain tinggal kepadanya maka tersebut dalam surat yang dibawa kepada hamba Dato' dalam seratus tiga puluh labanya maka hamba Dato' lihat segala macam itu maka opiunnya ada kurang sedikit jadi tiada sampai hemat hamba Dato' mengambil bagaimana dalam surat Mister Firli dan Dato' maka hamba Dato' ambil bagaimana modal Mister Firli kerana pada fikir hamba Dato' jikalau tiada hamba Dato' ambil jadi kerugian atas Mister Firli maka sebab itulah hamba Dato' ambil maka itupun jikalau suka Mister Firli jikalau tiada hamba Dato' bayar juga supaya jangan jadi berputusan suruhan Dato' serta Mister Firli dan akan hal kain hamba Dato' bayar dalam seratus tiga puluh adanya maka daripada hal timah jikalau datang timah dari Palembang maka hamba Dato' muatkan suruh ia pergi ke China jikalau tiada datang timah maka hamba Dato' beri lada serta emas pulang ke Pulau Pinang ahwal itulah hamba Dato' nyatakan melainkan lebih ikhtiar Dato' beri surat kepada Mister Firli maka boleh Dato' periksa segala kapitan yang di Terengganu pada hal timah tiada hamba Dato' beri barang sekeping akan sorang demikian lagi tersebut menghendaki berhubungan jalan perniagaan itu jika Mister Firli beri dagangan seperti segala jenis dagangan yang hamba Dato' kehendaki maka hamba Dato' berilah dalam seratus tiga puluh jikalau Mister Firli suka lada ambil lada jikalau suka emas ambil emas maka segala jenis dagangan itu hamba Dato' buat surat dengan bahasa Inggeris antarkan bersama2 surat ini maka hendaklah Mister Firli muatkan dagangan yang tersebut itu pada sebuah kapal antarkan pada tiap2 musim dan lagi harga dagangan boleh Mister Firli lihat kepada dalalal yang hamba Dato' beli di Benggala itu kemudian daripada itu maka daripada hal perkiraan Kapitan Glas Dato' menghendaki itu maka sekaliannya ada dengan suratan Kapitan Glas sendiri kepada hamba Dato' maka hamba Dato' hendak beri pergi surat itu maka pada hemat hamba Dato' tiadalah boleh selesai kerana hamba Dato' mengambil dagangan kepada Glas pun maka perjanjian hamba Dato' dengan Kapitan Glas pergi ke Palembang maka hamba Dato' pun berlayarlah ke Palembang dengan enam tujuh buah perahu maka serta keluar dari Kuala Terengganu dikehendaki Allah pecah kici hamba Dato' sebuah maka beberapa dagangan yang rosak dan sebuah kici patah tiang bocor perahu maka beberapa dagangan yang basah maka segala jualan serta dagangan yang tiada laku apabila sudah selesai gaduh negeri ini hamba Dato' mengadap Dato' serta bawa surat jualan dan dagangan yang basah itu boleh Dato' lihat kerana bukan hamba Dato' berutang kepada Kapitan Glas melainkan bersyarikat sahaja dengan Kapitan Glas adanya sebagai lagi daripada hal kici Kapitan Bek hendaklah Dato' tolong antarkan maka daripada hal belanjanya maka Dato' tolong belanjakan beri mari surat segala belanjanya dan rial yang dibawa Kapitan Bek enam ribu rial maka rial itu dipegang oleh Mister Glas maka rial itu rial Kapitan Glas yang tinggal kepada hamba Dato' maka sekarang pun Kapitan Glas sudah tiada melainkan dahulu Allah wa ba'da RasulNya yang hamba Dato' akan Dato' harap akan Dato'lah menolong hamba Dato' pada barang sesuatu perkara dan jikalau ada dagangan Surati seperti kain cindai benang dan cat Surati dan lelangit2 Surati hendaklah Dato' muatkan di kici itu serta dengan orang Dato' mari bersama2 dan seperti kain cindai benang jikalau ada seribu kodi pun hendaklah muatkan Insya Allah Ta'ala apabila sudah selesai gaduh negeri

ini hamba Dato' pun boleh pergi dalam kici itu bersama2 orang Dato' mengadap Dato' maka bolehlah selesai sekalian perkiraan dan lagi hendaklah Dato' tolong ubat bedil barang seratus tong dan peluru empat pun dan lima pun enam pun barang seratus pikul dan belerang barang lima ratus pikul haraplah

Hamba Dato' akan penolong Dato' itu dan lagi hendaklah Dato' tolong akan suruhan hamba Dato' itu Uwan Muhamad beri akan dia mana kekurangannya kerana tiada hamba Dato' beri pergi sesuatu sebab banyak gaduh lagi pergi jalan darat maka apabila Dato' beri akan dia surat akan hamba Dato' Insya Allah Ta'ala boleh hamba Dato' bayar adanya maka tiadalah sesuatu tanda hayat melainkan bersama2 hamba Dato' tamat al-kalam diperbuat surat ini pada empat belas haribulan Zulkaedah pada sanah 1203

Warkah Terpilih Terengganu 3

No. Rujukan:
MS 40320/11, f.94

Tarikh dokumen:
15 Safar 1206 / 14 Oktober 1791

Tajuk:
Surat Saudagar Nasruddin kepada Francis Light berkaitan salah laku Kapitan Long

Transliterasi:

Qawluhu al-Haqq

Bahawa ini warkat al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas iaitu daripada hamba Dato' Syaudagar Nasruddin yang ada terqawaf di negeri Terengganu Darul Salam barang diwasilkan Tuhan Rab al-Anam apalah kiranya kepada pihak hadrat Dato' Gurnador yang ada istiqam serta memegang perintah dan tadbir dalam daerah jazirah Pulau Pinang barang ditambah Allah kebesarannya dan kemuliaan dan dilanjutkan Allah umur usianya serta dianugerah Allah sihat dan afiat selagi hayat zamannya wa ba'dah

barang maklum kiranya hadrat Dato' maka daripada hal pekerjaan kapal Kapitan Long membawa dagangan seperti meriam dan opiun dan embalau dan belerang itu sudah hamba Dato' punggahkan ke darat maka hamba Dato' muatkan lada empat ribu pikul maka di dalam itu Kapitan Long pinta seratus pikul hamba Dato' beri akan dia maka tengah duduk bermuat lada ada kira2 dua ribu pikul lebih kurang maka hamba Dato' tanya kepada Kapitan Long berapa boleh muat lada dalam kapal maka kata Kapitan Long boleh muat lima ribu pikul maka hamba Dato' fikir hendak muat lada Mister Farli barang seribu pikul kemudian sudah sampai empat ribu pikul kata Kapitan Long tiada boleh muat lada Mister Farli lagi maka jadi hairanlah hamba Dato' maka kapal sebesar ini tiada boleh muat lima ribu pikul maka di dalam duduk bermuat lada itu datang Kapitan Lik mari dari Palembang membawa timah maka kata Kapitan Lik kepada Kapitan Long hendak ia bermuat timah kapal Kapitan Long maka Kapitan Long pun berkhabar kepada hamba Dato' maka hamba Dato' pun suruh muat timah barang emat ratus lima ratus pikul supaya boleh lepas belanja kapal barang setengah bulan maka kata Kapitan Long pun boleh muat barang empat ratus lima ratus pikul maka sudah bermuat lada hamba Dato' tanya kepada Kapitan Long sudah diterima timah itu maka kata Kapitan Long tiada boleh bermuat lagi timah itu kerana kapal

sudah sarat maka hamba Dato' pun percaya kata Kapitan Long itu maka hamba Dato' hendak muat rotan barang empat ratus lima ratus gelung pun tiada boleh muat lagi katanya maka selang beberapa hari mari Kapitan Lit dari Palembang duduk di Terengganu maka ia berkhabar Kapitan Long bermuat timah Kapitan Lik beberapa banyak tiada boleh ditentukan tetapi Kapitan Long sudah bermuat timah Kapitan Lik dalam kapalnya maka hamba Dato' pun jadi ajaiblah perbuatan Kapitan Long itu seperti orang pencuri pekerjaannya syahadan daripada hal segala dagangan yang hamba Dato' punggahkan ke darat ini Insya Allah Ta'ala sebolehnya2 dan sehabis2 kuasa hamba Dato' menjualkan dagangan itu kemudian dari itu seperti hamba Dato' beri pergi surat kepada Kapitan Karnigi akan Dato' dan akan Kapitan Uskut maka surat itu hamba Dato' bawa bacakan berhadapan Kapitan Karnigi dan Kapitan Long dan Mister Krat maka hamba Dato' tanya kepada Kapitan Long bagaimana surat Kapitan Long serupakah dengan surat hamba ini maka jawabnya kepada hamba Dato' serupa suratnya dengan surat hamba Dato' maka diperbuatnya surat desut beri pergi akan Dato' maka segala perkataannya dalam surat itu desut kesemuanya jangan Dato' pakai maka tiap2 orang baik2 itu apabila kita tunjukkan surat kita maka dianya pun tunjukkan suratnya jikalau ada bersalahan boleh berhadapan maka dianya buat surat desut seperti pencuri itulah halnya hamba Dato' maklumkan maka daripada hal Mister Krat itu budak terlalu baik akalnya sempurna tiada sekali2 khianah akan Dato' melainkan dianya carikan jalan kebajikan faedah akan Dato' maka daripada hal kata Kapitan Long Mister Krat berkhabar akan hamba Dato' daripada hal dagangan Kapitan Uskut itu dianya taruh dalam seratus dua puluh lima bahawa sekali2 tiada ia berkhabar demikian itu hanya hamba Dato' ada berkhabar barangkali Kapitan Uskut taruh dalam seratus dua puluh lima kerana hamba Dato' melihatkan hal dagangan itu serta harganya dalam daftar itu maka hamba Dato' berkhabar demikian itu kepada Kapitan Long sebagai lagi maka adalah hamba Dato' beri pergi surat akan syaudagar di China suruh jualkan kapal Kapitan Long itu jikalau laku dua puluh lima ribu rial hamba Dato' suruh jualkan dan jikalau tiada laku dengan harga itu hamba Dato' suruh bawa pulang ke Pulau Pinang maka daripada hal kapal itu apabila sampai ke Pulau Pinang hendaklah Dato' bicarakan jualkan kapal itu kerana hamba Dato' tiada suka kapal itu[46] melainkan Dato' bicarakan jualkan babak pada perkiraan hamba Dato' dalam itu lebih maklum Dato' sebermula daripada hal segala dagangan yang hamba Dato' terima kepada Kapitan Long itu dan dagangan yang hamba Dato' muatkan dalam kapal Kapitan Long pergi ke China itu maka daftarnya sudah hamba Dato' buat beri pergi dengan bahasa Inggeris kepada Kapitan Karnigi ahwal itulah hamba Dato' maklumkan ke hadrat Dato' maka daripada Mister Krat itu hendaklah hadrat Dato' beri mari ke Terengganu kerana hamba Dato' hendak suruh salin surat2 banyak kepada hamba Dato' jangan tiada Dato' beri mari Mister Krat itu tamat al-kalam diperbuat surat pada lima belas hari bulan Safar pada sanah 1206

Warkah Terpilih Terengganu 4

No. Rujukan:
MS 40320/5, f.77

Tarikh dokumen:
[n.d.]

Tajuk:
Draf surat Francis Light berkaitan dagangan ke Terengganu.

Transliterasi:

Ahwal surat sahabat beta dibawa adinda itu Nakhoda Parya Tambi sampailah pada beta dengan sempurnanya maka segala yang tersebut dalamnya fahamlah beta segenap perkaranya

maka sahabat beta suruh kapal berlayar ke negeri Keling itu maka pada tahun ini Muhamad Bandar orang tipu sudah pergi rampas segala orang Muhamad Bandar habis binasa lagi negeri tengah susah perang maka beta muafakat dengan Nakhoda Parya Tambi dan Saudagar Mirangkandu[47] karena banyak kapal Keling dalam Pulau Pinang dagangan murah tiada laku dengan sebab negeri tengah susah orang musuh lanun maka beta apa pakat dengan Nakhoda Parya Tambi dan Saudagar Mirangkandu disuruh beli dagangan dengan harga baik belaka maka datang surat daripada Mister Firli mengatakan tiada boleh beli kapal karena segala kapal duduk mengantar beras dengan alat senjata bawa pergi ke Madras maka beta beli sebuah kapal besar Kapitan Semasin dari Cina dengan harga dua laksa rial maka dalam ini sebahagi beta punya dan sebahagi sahabat beta maka sudah beta muat dagangan seperti surat yang diberi pergi kepada Kapitan Lang itu maka kapal dengan muatan sudah sekura dalam Benggala sebab itu jikalau suka sahabat beta dagangan dalam kapal ini boleh bubuh dagangan yang lain cukup modal sebanyak ini dan lagi jikalau sahabat beta hendak bubuh lagi lebih modal daripada ini nyata mari pada beta boleh disekura pula maka kapal ini jikalau sudah sampai ke Terengganu sahabat beta beri orang harapan seorang yang baik2 bersama2 kapitan ini pergi ke Sambas kemudian sampai musim kapal kompeni datang boleh jual lada terima ambil rial dengan opiun bawa pergi ke Bangka beli timah Dalam empat bulan boleh sampai ke Pulau Pinang boleh bertemu dengan kapal Belayit kemudian boleh pergi Bangka cari timah dari Bangka boleh pergi ke Terengganu maka kapal ini jikalau sahabat beta tiada suka musim datang boleh beri pergi Bombay jual cari beli lain jikalau suka sahabat beta kapal ini musim datang kita bubuh lapis tembaga dan lagi kapitan ini sudah beta ajar baik2 boleh ia ikut segala bicara sahabat dan lagi Mister Firli sudah kirim biri ekor besar tiga ekor dalam itu sudah mati seekor dua ekor sudah beta serah beri kepada Nakhoda Parya Tambi maka itu itupun ia hendak hantar juga

Analisa dan Perbincangan Warkah-Warkah Terpilih

Keempat-empat warkah *Light Letters* yang dipilih dalam penulisan ini menyokong kepada pembentukan satu naratif baharu yang memperincikan peranan signifikan negeri-negeri Melayu, khususnya Terengganu, dalam jaringan perdagangan maritim serantau dan antarabangsa. Kandungan warkah-warkah tersebut menunjukkan bahawa negeri-negeri Melayu bukan sahaja terlibat secara langsung, malah berperanan sebagai aktor ekonomi yang aktif dalam perdagangan maritim abad ke-18 yang semakin kompleks, khususnya selepas penempatan British di Pulau Pinang oleh Francis Light. Malah, warkah-warkah ini turut memperlihatkan kebergantungan pedagang-pedagang British, khususnya Francis Light terhadap negeri-negeri Melayu seperti Terengganu dalam memperoleh sumber dagangan, akses pasaran dan jaringan perdagangan serantau yang penting bagi menjayakan pembangunan awal Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan serantau dan antarabangsa.[48]

Warkah terpilih 1 dan 2 adalah berkaitan barangan dagangan utama yang diperoleh oleh Francis Light dan rakan dagangnya dari Terengganu. Berdasarkan warkah 1 umpamanya, iaitu surat Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan perdagangan timah dan tumpang kapal pergi haji telah memaparkan maklum balas Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan permintaan timah sebanyak 200 pikul untuk dimuatkan dalam kapal yang akan berlayar ke China. Dalam surat ini, dinyatakan bahawa semasa kapal tersebut tiba, timah masih belum sampai dari Palembang. Baginda turut menyatakan hanya lada sahaja yang mampu disediakan sebanyak mana yang diperlukan oleh Francis Light. Maka, hal ini menggambarkan dua perkara iaitu komoditi utama oleh Terengganu adalah

timah dan lada. Namun berbanding timah, lada adalah lebih mudah disediakan oleh Terengganu. Timah lazimnya diperoleh daripada Palembang. Warkah Terpilih 2 juga masih memaparkan perkara yang sama iaitu berkaitan permintaan timah dan lada dari Terengganu. Berkaitan permintaan timah dari Terengganu, hal ini merupakan sesuatu yang menarik kerana timah merupakan barangan monopoli oleh Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dan hanya boleh didagangkan dengan Belanda berdasarkan perjanjian-perjanjian negeri Melayu dengan syarikat tersebut.[49] Namun, Francis Light dan rakan dagangnya berjaya memperoleh timah tersebut daripada Terengganu. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa timah masih boleh diseludup dari Palembang ke tempat lain, contohnya Terengganu, dan kemudiannya dijual pula kepada pedagang British.[50] Ketidakmampuan VOC untuk menghalang kegiatan penyeludupan komoditi utama yang merupakan monopoli VOC ini seperti timah turut disuarakan oleh Gabenor VOC di Melaka pada ketika itu iaitu. P.G. de Bruijn. Menurutnya, bijih timah yang enggan diterima oleh VOC di Melaka tidak didagangkan ke Betawi sebaliknya diseludup ke Riau dan dijual dengan harga yang lebih tinggi.[51]

Warkah terpilih 3 pula memaparkan bahawa Terengganu juga pada ketika itu selain daripada mempunyai hubungan perdagangan dengan India, negeri ini juga turut berdagang secara langsung dengan China. Misalnya, Saudagar Nasruddin yang merupakan orang penting menjalankan perdagangan bagi pihak raja,[52] telah menghantar kapal yang dibelinya sendiri untuk berlayar ke China yang diketuai oleh Kapitan Long. Berkaitan muatan kapal ini, selain daripada membawa muatan miliknya, Saudagar Nasruddin sendiri turut sama membawa muatan Kapitan Long dan juga muatan milik Kapitan Uskut.[53] Urusan perdagangan dengan China ini juga jelas memaparkan perkongsian modal iaitu perkongsian muatan di antara Terengganu dan Pulau Pinang. Berkaitan muatan yang dimuatkan dalam kapal ini juga lengkap dengan surat daftarnya (senarai barangan dan jumlahnya) dan setiap pihak terlibat akan menyimpan salinan surat ini untuk dijadikan rujukan. Justeru, urusan perdagangan ini lengkap dengan dokumen tertentu untuk mengesahkan perkongsian modal di antara kedua-duanya.

Manakala bagi warkah terpilih 4, warkah ini menonjolkan bahawa Terengganu bukan hanya rakan dagang yang penting kepada Francis Light di Pulau Pinang, namun turut menonjolkan hubungan erat Francis Light dengan Terengganu untuk perkongsian modal bagi perdagangan dengan India. Misalnya, Fancis Light berusaha memujuk sultan Terengganu untuk terlibat sama dalam perkongsian modal iaitu melalui perkongsian sewaan kapal dan muatan untuk berlayar ke India. Selain itu, surat ini juga memaparkan bahawa Terengganu merupakan persinggahan penting sebelum pelayaran kapal dari Pulau Pinang yang telah disewa itu berlayar ke negeri kepulauan Melayu yang lain dan ini memaparkan kepentingan jaringan perdagangan yang dimiliki oleh Terengganu. Misalnya warkah ini menyatakan bahawa kapal yang dibeli oleh Francis Light akan tiba di Terengganu dan beliau meminta dilantik seorang wakil dari Terengganu untuk berlayar di dalam kapal itu ke Sambas. Pelayaran ke Sambas ini adalah dengan membawa muatan lada untuk dijual bagi memperoleh *rial* dan opium[54] daripada kapal kompeni (EIC) yang akan tiba kemudian dari India. Kemudian dari Sambas ini, kapal ini akan berlayar pula ke Pulau Bangka untuk mendapatkan timah sebelum pulang semula ke Terengganu. Ringkasnya, hubungan dan jaringan perdagangan dengan Terengganu ini penting untuk memastikan pedagang-pedagang British mendapat komoditi yang diperlukan untuk tujuan perdagangan. Hal ini kerana terdapat juga kapal British yang berlayar ke negeri-negeri Melayu namun akhirnya gagal mendapat sebarang komoditi yang diperlukan.[55]

Kesimpulan

Kesimpulannya, merujuk kepada koleksi *Light Letters* terpilih membabitkan Terengganu, terdapat beberapa perkara signifikan berkaitan peranan negeri ini dalam perdagangan serantau dan antarabangsa pada dekad-dekad akhir kurun ke-18. Pertama, *Light Letters* muncul sebagai sumber primer yang penting untuk memahami hubungan perdagangan yang terjalin antara Terengganu dengan para kapitalis British iaitu melalui hubungannya dengan Francis Light dan rakan-rakan British *country traders*nya yang berpusat di Pulau Pinang. Kedua, perdagangan timah dan lada yang menjadi komoditi penting dalam hubungan British dengan China dengan kedudukan Terengganu sebagai antara pembekal utama kedua-dua komoditi tersebut memaparkan kedudukan Terengganu dalam mengukuhkan perdagangan British dengan China. Hal ini kerana kedua-dua komoditi tersebut merupakan komoditi yang amat diperlukan oleh negara China. Ketiga, warkah-warkah ini menegaskan bahawa pedagang dan pembesar Terengganu bukan sekadar pemerhati pasif, sebaliknya merupakan pelaku aktif dalam jaringan perdagangan serantau dan antarabangsa yakni melalui perkongsian modal, kapal dan muatan yang melibatkan perdangangan sehingga ke India dan China.

Justeru, koleksi *Light Letters* menunjukkan wujudnya mekanisme ekonomi yang bergantung kepada perkongsian modal, serta pengagihan komoditi penting iaitu lada dan timah bagi menggerakkan perdagangan Terengganu dan rakan dagangnya pada ketika itu. Hal ini telah menjamin keuntungan yang berterusan bagi kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian, *Light Letters* merupakan sumber penting yang menonjolkan peranan besar Terengganu dalam ekonomi maritim rantau ini dan antarabangsa. Perkara ini sekali gus membuka ruang kepada penilaian semula naratif sejarah ekonomi negeri-negeri Melayu daripada perspektif tempatan, khususnya berkaitan kedudukan aktor dan institusi tempatan dalam jaringan perdagangan yang wujud pada akhir kurun ke-18.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Geran Jangka Pendek Khas dengan No. Projek: R501-LR-RND002-0000001029-0000. Penghargaan juga ditujukan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia di atas kemudahan akses kepada koleksi digital Light Letters (MS 40320).

Nota

[1] Lihat bahagian *introduction Light Letters* (MS 40320) di laman sesawang Perpustakaan USM: http://www.lightletters.usm.my/. Koleksi yang digunakan ini sepenuhnya merupakan koleksi digital *Light Letters* yang disimpan di Perpustakaan USM.

[2] Kratz, E.U., Some Malay letters on trade, Indonesia Circle, School of Oriental & African Studies, Newsletter, 15(44), 1987, 3-16.

[3] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, British Library, London, 1994.

[4] Namun begitu, berdasarkan kiraan semula penulis terhadap jumlah surat dalam setiap *volume* MS 40320, jumlahnya adalah sebanyak 1202 pucuk surat. Maka jumlah ini akan digunakan selepas ini.

[5] Ibid.

[6] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, 1994.

[7] Kratz, E.U Some Malay letters on trade, 1987, pp. 3-16.

[8] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, 1994.

[9] Annabel (1994, 130). Lihat juga nota kaki 2 penulisan ini.

[10] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, 1994.

[11] http://www.lightletters.usm.my/.

[12] Miller, W.G., Why Did Syarif Kassim Kill Captain Sadler at Mempawah in 1795? *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85, no. 1 (302), 2012, pp. 63–84.

[13] Miller, W.G., Why Did Syarif Kassim Kill Captain Sadler at Mempawah in 1795? 2012, p. 63.

[14] Miller, W.G., Why Did Syarif Kassim Kill Captain Sadler at Mempawah in 1795? 2012, p. 63; Andaya, B.W., *To Live as Brothers, Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, University of Hawaii Press, Honolulu, 1993, pp. 216-217; Reid, A., 1992. Economic and social change, c. 1500-1800. In *The Cambridge History of Southeast Asia*, edited by Nicholas Tarling, Cambridge University Press, Cambridge, p. 502.

[15] Perluasan kuasa British ini juga ada kaitan untuk mengukuhkan kegiatan perdagangan antarabangsa bagi memenuhi keperluan ekonomi Britain yang mana menurut P.J. Cain and A.G. Hopkins (1986) amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa kerana industrinya masih bergerak perlahan dalam tempoh 1688-1850. Lihat juga penulisan oleh penulis yang sama pada tahun 1980 (P.J. Cain and A.G. Hopkins 1986).

[16] Pada penghujung kurun ke-18, Perancis sedang giat memperluaskan kuasanya di Eropah dan di tanah jajahan termasuklah di wilayah Asia Tenggara (Muhammad Aslah, Azharudin & Salina 2023, 31).

[17] Wurtzburg, C.E., A Letter from Captain Light to Lord Cornwallis, Dated 20th June, 1788. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 16, no. 1 (130)(1938), 115–22; Lewis, D, The Growth of the country trade to the Straits Of Malacca, 1760-1777. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43, no. 2 (218)(1970), pp. 114–30; Bassett, D.K. and D. K. BASSET, British Trade and Policy in Indonesia 1760-1772, *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde* 120(2), 1964, pp. 197–223; Bassett, D.K., British 'Country' Trade and Local Trade Networks in the Thai and Malay States, c. 1680-1770, *Modern Asian Studies* 23(4)(1989), pp. 625–43.

[18] Fielding, K.J., The Settlement of Penang: By James Scott, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28, 1) (169), 1955, pp. 37–51.

[19] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, 1994, pp. 8-9.

[20] Misalnya, selain Annabel (1994 & 2025) sendiri, sarjana lain yang turut mengkaji berkaitan surat-surat Melayu adalah Ahmat Adam (2009) yang mengkaji berkaitan surat-surat koleksi Raffles. Beberapa sarjana lain yang mengkaji dan menggunakan surat-surat Melayu ini termasuk juga Mahani, Mohd Kasturi, Badriyah dan Haslindawati. Keempat--empatnya sama ada mengkaji atau menjadikan Sultan Abdul Hamid *Correspondence Collection* (SAHCC) sebagai sumber utama kajian. Penerangan lanjut, lihat Mahani (2015), Mohd Kasturi (2011, 2012), Badriyah (2015) dan Haslindawati (2022). Badriyah pula selain daripada SAHCC, turut mengkaji tentang koleksi Surat-Surat Farquhar (Badriyah, 1999). Sebelum sarjana-sarjana ini, antara penyelidik terawal yang mengkaji surat-surat Melayu ini adalah seperti C.O. Blagden (1930) yang mengkaji surat yang dipercayai ditulis bagi pihak Sultan Abu Hayat of Ternate kepada King of Portugal.

[21] Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*, 1994; Annabel Teh Gallop, The earliest Malay letters from Brunei. In *The Literature of Brunei History, Culture, and Challenges*, edited by Ooi Keat Gin and Kathrina Mohd Daud (preview), Routledge, New York, 2025.

[22] Kratz, E.U., Some Malay letters on trade, 1987, pp. 3-16.

[23] Abd ur-Rahman Mohamed Amin, Politik dan Ekonomi Terengganu pada Hujung Abad Ke-18: Kajian terhadap Warkah Sultan Mansur Shah I, *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13(2), 2020, pp. 271-298.

[24] Maklumat lanjut, lihat Abdul Rahman Haji Ismail, 2009.

[25] Maklumat lanjut, lihat Raja Ali Haji ibn Ahmad (1982) dan V.M. Hooker (1991). *Tuhfat al-Nafis* misalnya, merupakan antara sumber utama dan penting dalam pengkajian sejarah Terengganu kurun ke-18. Hal ini terbukti apabila sumber ini digunakan sebagai sumber penting oleh pengkaji yang mengkaji sejarah Terengganu pada kurun ini iaitu Andaya (1976), Sheppard (1949) dan Buyong Adil (1982).

[26] Maklumat lanjut, lihat Winstedt,1932.

[27] Andaya, B.W., An examination of sources concerning the reign of Sultan Mansur Syah of Terengganu (1741-1793), with special reference to the *Tuhfat Al-Nafis*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 49(2) (230)(1976), pp. 80–106;

[28] Sheppard, M.C. ff., A Short History of Trengganu, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 22(3) (149)(1949), pp. 1–74.

[29] Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

[30] Berkaitan penubuhan sistem kesultanan di Terengganu, sarjana yang mengkaji berkaitan Terengganu seperti Sheppard (1949) dan Buyong Adil (1982) bersetuju bahawa tahun 1725 merupakan tahun tertubuhnya sistem Kesultanan Terengganu melalui pelantikan Sultan Zainal Abidin I sebagai sultan pertama Terengganu. See also Tarikh *Tuhfat al-Nafis* (Raja Ali Haji ibn Ahmad, 1982, 69-70) and V.M. Hooker (1991, 225-7). Namun, sumber *History of Johor* (*Hikayat Johor*) menunjukkan kemungkinan bahawa pelantikan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu mungkin berlaku lebih awal iaitu pada tahun 1718. Hal ini adalah berdasarkan kepada catatan peristiwa dalam hikayat tersebut yang mencatatkan bahawa "In A.H. 1131 (=1718 A.D.) *Raja Kechil failed in another attack on Riau and in the same year Raja Tua went to Trengganu and installed (as Sultan) Tun Zainal-Abidin, son of Abdul-Majid and brother of the first Bendahara ruler of Johore*." (R.O. Winstedt 1932, 165).

[31] Marriott, H., A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 72, 1916, pp. 3–23.

[32] http://www.lightletters.usm.my.

[33] Lihat MS 40320/3, f.60.

[34] Ibid.

[35] MS 40320/11, f.78.

[36] MS 40320/11, f.27.

[37] Lihat, B.W. Andaya (1978, 27).

[38] Lihat MS 40320/11, f.69. Lihat juga MS 40320/11, f.97. Bagi MS 40320/11, f.97 ini, ianya adalah turut berkaitan kemangkatan Sultan Mansur Syah.

[39] Lihat MS 40320/11, f.68.

[40] Berkaitan sikap biadap dan tidak mematuhi adat Melayu dan raja-rajanya, lihat misalnya MS 40320/11, f.74 dan MS 40320/11, f.94.

[41] Lihat MS 40320/11, f.76.

[42] Hubungan dengan pemerintah dan pedagang tempatan penting dalam memperoleh barang dagangan. Hal ini kerana pedagang British ini tidaklah memperkenalkan jaringan atau komoditi baharu dalam perdagangan, sebaliknya hanya bertindak menggunakan rangkaian dan komoditi sedia ada yang mendapat permintaan tinggi di pasaran Asia pada ketika itu, terutamanya bagi memenuhi keperluan perdagangan dengan China yang memerlukan barang dari Kepulauan Asia Tenggara (P.J. Marshall 1987, 281).

[43] Pada kurun ke-19, Pulau Pinang telah berjaya menguasai eksport bijih timah apabila 20% daripada eksportnya merupakan bijih timah. Bahkan timbul kerisauan dalam kalangan pedagang di Pulau Pinang dan Gabenor Pulau Pinang pada ketika itu iaitu *Colonel* John Bannerman bahawa Belanda kemungkinan akan memperbaharui perjanjian monopolinya dengan Negeri-Negeri Melayu apabila Melaka dikembalikan kepada penguasaan Belanda pada tahun 1818 (C.D. Cowan 1950, 54-56). Namun penguasaan bijih timah dan komoditi lain seperti lada mula merosot sejak dekad-dekad akhir kurun ke-18 (lihat B. Harrison 1953).

[44] Palembang merupakan antara pembekal utama timah melalui Pulau Bangka dan wujud persaingan untuk dapatkan komoditi (B.W. Andaya 1993, xvii).

[45] Selain daripada memuatkan barangan, kapal-kapal tersebut juga ada membawa penumpang termasuklah bagi mengerjakan haji. Lihat juga MS 40320/11, f.77. Maklumat lanjut berkaitan aktiviti ini, rujuk juga Mahani Musa dan Aiza Baharudin (2024).

[46] Intipati surat ini juga menunjukkan bahawa berlaku juga ketidakjujuran rakan dagang kepada Saudagar Nasruddin iaitu Kapitan Long yong turut berkongsi muatan dalam kapal yang dibeli oleh Saudagar Nasruddin. Saudagar Nasruddin begitu marah akan hal ini dan menyebabkan beliau meminta Francis Light menjual kapal tersebut.

[47] Kedua-dua saudagar ini merupakan wakil yang menjalankan urusan pedagangan bagi pihak Sultan Kedah dan turut mempunyai hubungan dengan saudagar Nasruddin.

[48] Pada tempoh masa ini (iaitu bermula pertengahan kurun ke-18), kuasa barat seperti Perancis sedang giat mencari juga sedang berusaha mencari laluan perdagangan atau pangkalan baharu bagi mendapat makluman berkaitan potensi dan peluang ekonomi di Timur lantaran kejatuhan French India Company (FIC) dan pemansuhan monopoli syarikat ini (J. Dunmore 1973, 145). Lihat juga A. Reid (2009, 259).

[49] Berkaitan monopoli melalui perjanjian ini, lihat Peter Borschberg (2024).

[50] Selain Terengganu, Selangor juga pembekal timah kepada pedagang British walaupun Selangor juga menandatangi perjanjian dengan VOC berkaitan timah hanya boleh dijual kepada syarikat tersebut yang berpusat di Melaka (Perkara 7, *Corpus Diplomaticum* Vol. 6, F. W. Stapel, 1955, 535).

[51] Kapal-kapal yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan ini merupakan kapal-kapal pesendirian pedagang British yang berhasrat memaksimumkan keuntungan mereka dalam pelayaran kembali ke India (P.J. Marshall 1987, 291).

[52] Berkaitan saudagar Nasruddin, peranannya telah disentuh oleh B.W Andaya (1978) dan Jelani Halimi (2006). Bahkan peranan saudagar yang mewakili raja melaksanakan kegiatan perdagangn ini juga turut disentuh Dunmore semasa beliau singgah di Terengganu pada tahun 1769. Beliau singgah di Terengganu sebelum meneruskan pelayarannya ke utara Luzon (J. Dunmore 1973, 145&146)

[53] James Scott merupakan British *Country Traders* yang terkenal di negeri-negeri Melayu dan aktif berdagang di Utara Negeri-Negeri Melayu seperti di Junk Ceylon (Ujung Salang). Beliau juga merupakan individu penting yang menyokong pentadbiran Francis Light di Pulau Pinang. Lihat D.K. Bassett (1964, 127 dan 139).

[54] Opium merupakan barang dagangan yang penting dan mendapat permintaan tinggi oleh negeri-negeri Melayu. Misalnya, sebuah kapal Perancis iaitu *St. Jean Baptiste* yang diketuai oleh Jean-François de Surville telah sampai ke Terengganu pada tahun 1769. Dalam persinggahannya di Terengganu tersebut, kapal ini telah menjual empat *casket* opium di Terengganu dengan harga 800 *Piastres* dan setelah ditolak dengan pelbagai pembelian dari Terengganu untuk dapatkan barangan seperti beras, tembakau, bayaran kepada penterjemah serta pelbagai keperluan makanan lain yang diperlukan, kapal ini masih mampu menjana keuntungan sebanyak 248.88 *Piastres* daripada urusniaga tersebut (J. Dunmore 1973, 151).

[55] Miller, W.G., English Country Traders and Their Relations with Malay Rulers in the Late Eighteenth Century, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 84(1), 2011, p. 30.

Rujukan

"[Draf surat Francis Light berkaitan dagangan ke Terengganu]: Light Letters (MS 40320/5, f.77). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Salinan Surat Perjanjian Laksamana Kedah berkenaan ambilan yang dihantar ke Salang]: Light Letters (MS40320/3, f.60). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Senarai oleh Kapitan Bongkol berkaitan barang jualan kepada Saudagar Nasruddin]: Light Letters (MS 40320/11, f.27). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Saudagar Nasruddin kepada Francis Light berkaitan salah laku Kapitan Long]: Light Letters (MS 40320/11, f.94). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Mansur Shah Terengganu kepada Francis Light berkaitan ancaman Siam dan keturunan kesultanan Terengganu]. Light Letters (MS 40320/11, f.69). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Mansur Terengganu kepada Francis Light berkaitan bantuan kepada Sayyid Abdullah Qumasyi, Nakhoda Bawa dan Nakhoda Paria Tambi]: Light Letters (MS 40320/11, f.78). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Mansur Terengganu kepada Francis Light berkaitan masalah dengan Siam dan perdagangan lada, timah dan beras]: Light Letters (MS 40320/11, f.68). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan kesalahan Kapitan Clark yang menjual opium tanpa kebenaran]: Light Letters (MS 40320/11, f.76). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan perdagangan timah dan tumpang kapal pergi haji]: Light Letters (MS 40320/11, f.75). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Terengganu kepada Francis Light berkaitan sikap biadap kapitan Canning]: Light Letters (MS 40320/11, f.74). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat daripada Sultan Mansur Terengganu kepada Francis Light berkaitan kematian Saudagar Nasruddin dan masalah dengan Siam]: Light Letters (MS 40320/11, f.97). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

"[Surat Sultan Mansur Terengganu kepada Francis Light berkaitan urusan menumpangkan Lebai Amin pergi haji]: Light Letters (MS 40320/11, f.77). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia."
http://www.lightletters.usm.my

Abd ur-Rahman Mohamed Amin. 2020. "Politik dan Ekonomi Terengganu pada Hujung Abad Ke-18: Kajian terhadap Warkah Sultan Mansur Shah I," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13, no. 2: 271-298. http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/6774

Abdul Rahman Haji Ismail. 2009. *Sejarah Melayu, The Malay Annals*. Selangor: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).

Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Perdagangan dan perkapalan di Selat Melaka: Abad ke-15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmat Adam. 2009. *Letters of Sincerity: The Raffles collection of Malay Letters (1780–1824) A Descriptive Account With Notes and Translation.* Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Andaya, B.W. 1976. "An examination of sources concerning the reign of Sultan Mansur Syah of Terengganu (1741-1793), with special reference to the *Tuhfat Al-Nafis*," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 49, no. 2 (230): 80-106. http://www.jstor.org/stable/41492140

Andaya, B.W. 1978. "The Indian Saudagar Raja (The King's Merchant) in Traditional Malay Courts," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 51, no. 1 (233): 12-35. http://www.jstor.org/stable/41492184

Andaya, B.W. 1993. *To Live as Brothers, Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Honolulu: University of Hawaii Press.

Annabel Teh Gallop. 1994. *The Legacy of the Malay Letter, Warisan Warkah Melayu*. London: British Library.

Annabel Teh Gallop. 2025. The earliest Malay letters from Brunei. In *The Literature of Brunei History, Culture, and Challenges*, edited by Ooi Keat Gin and Kathrina Mohd Daud (preview). New York: Routledge. https://www.google.com.my/books/edition/The_Literature_of_Brunei/bHQ_EQAAQBAJ?hl=en&gbpv=1&dq=The+Earliest+Malay+Letters+from+Brunei&pg=PT21&printsec=frontcover

Badriyah Haji Salleh. 1999. *Warkah Al-Ikhlas, 1818–1821*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badriyah Haji Salleh. 2015. *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid: Warkah Agung Warisan Dunia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Bassett, D. K. 1964. "British Commercial and Strategic Interest in the Malay Peninsula during the Late Eighteenth Century." In Malayan and Indonesian Studies, 122–140. London: Oxford University Press.

Bassett, D.K. 1965. "Anglo-Malay Relations, 1786-1795," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 38, no. 2 (208): 183-212. http://www.jstor.org/stable/41492222

Bassett, D.K. 1989. "British 'Country' Trade and Local Trade Networks in the Thai and Malay States, c. 1680-1770," *Modern Asian Studies* 23, no. 4: 625-643. http://www.jstor.org/stable/312562

Bassett, D.K. and D. K. BASSET. 1964. "British Trade and Policy in Indonesia 1760-1772," *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde* 120, no. 2: 197-223. http://www.jstor.org/stable/27860475

Blagden, C.O. 1930. "Two Malay Letters from Ternate in the Moluccas, Written in 1521 and 1522," *Bulletin of the School of Oriental Studies, University of London* 6, no. 1: 87-101. http://www.jstor.org/stable/607299

Borschberg, P. 2024. "Trade and Disruption in the Western Malay Archipelago in the 17th century," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 97*,* no. 2: 17-42.

Buyong Adil. 1982. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cain, P. J., and A. G. Hopkins. 1986. "Gentlemanly Capitalism and British Expansion Overseas I. The Old Colonial System, 1688-1850," *The Economic History Review* 39, no. 4: 501-525. https://doi.org/10.2307/2596481

Cain, P.J., and A.G. Hopkins. 1980. "The Political Economy of British Expansion Overseas, 1750-1914," *The Economic History Review* 33, no. 4: 463-490. https://doi.org/10.2307/2594798

Dunmore, J. 1973. "French visitors to Trengganu in the eighteenth century," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 46, no. 1 (223): 144-159. http://www.jstor.org/stable/41492071

Fielding, K.J. 1955. "The Settlement of Penang: By James Scott," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28, no. 1 (169): 37-51. http://www.jstor.org/stable/41503167

Haji Muhammad Saleh Haji Awang. 1992. *Sejarah Darul Iman hingga 1361H(1942M)*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu.

Harrison, B. 1953. "Trade in the Straits of Malacca in 1785. A Memorandum by P.G. de Bruijn, Governor of Malacca," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26*,* no. 1 (161): 56–62. http://www.jstor.org/stable/41502904

Haslindawati Saari. 2022. "Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU) dan Pensejarahan Negeri Kedah, 1882-1911," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49, no. 1: 135-160. https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/54738/12913

Hooker, V.M.A. 1991. *Tuhfat al-Nafis, Sejarah Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kratz, E. Ulrich. 1987. "Some Malay Letters on Trade," *Indonesia Circle* (School of Oriental and African Studies, Newsletter) 15, no. 44: 3-16. http://dx.doi.org/10.1080/03062848708729676

Lewis, D. 1970. "The Growth of the country trade to the Straits Of Malacca, 1760-1777," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43, no. 2 (218): 114-130. http://www.jstor.org/stable/41492031

Mahani Musa and Aiza Baharudin. 2024. "Penang, the Hajj, and the role of hajj syeikhs, 1786–1977," *International Journal of Asia Pacific Studies* 20 no. 2: 87-116. https://doi.org/10.21315/ijaps2024.20.2.4

Mahani Musa. 2015. "The Memory of the World Register: The Sultan Abdul Hamid Correspondence and Kedah History," *Kajian Malaysia* 33, supp. 2: 53-74.

Marriott, H. 1916. "A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan," *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 72: 3-23. http://www.jstor.org/stable/41561223

Marshall, P.J. 1987. *Private British Trade in the Indian Ocean before 1800*. In *India and the Indian Ocean*, edited by A. Das Gupta and M.N. Pearson, 301-316. Calcutta: Oxford University Press.

Miller, W.G. (2011). "English Country Traders and Their Relations with Malay Rulers in the Late Eighteenth Century," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 84, no. 1: 23-45.
http://www.jstor.org/stable/41493788

Miller, W.G. 2012. "Why Did Syarif Kassim Kill Captain Sadler at Mempawah in 1795?," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85, no. 1 (302): 63-84.
http://www.jstor.org/stable/24894130

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2011. "Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah," *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 2: 45-66.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2012. "Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH)," *Sejarah* 20, no. 20: 51-70.
https://doi.org/10.22452/sejarah.vol20no20.3

Muhammad Aslah Akmal Azmi, Azharudin Mohamed Dali & Salina Zainol. 2023. "Pertikaian Inggeris-Belanda di Hindia Timur dan Usaha Penyelesaiannya Melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, No. 1: 30-51.
https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5001.03

Raja Ali Haji Ibn Ahmad. 1982. *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Reid, A. 1992. Economic and social change, c. 1500-1800. In *The Cambridge History of Southeast Asia*, edited by Nicholas Tarling, 460-507. Cambridge: Cambridge University Press.

Reid, A. 2008. "Merchant Princes and Magic Mediators: Outsiders and power in Sumatra and beyond," *Indonesia and the Malay World* 36, no. 105: 253-267.
https://doi.org/10.1080/13639810802268007

Sheppard, M.C. ff. 1949. "A Short History of Trengganu," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 22, no. 3 (149): 1-74.
http://www.jstor.org/stable/41560096

Stapel, F. W. 1955. *Verzameld en toegelicht (Zesde deel: 1753-1799).* Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde, Martinus Nijhoff.
https://www.cortsfoundation.org/news/165-july-2019-corpus-diplomaticum-digital-online

Wagner, M. 2022. *The English Chartered Trading Companies, 1688-1763: Guns, Money and Lawyers*. New York: Routledge.

Winstedt, R.O. 1932. "A History of Johore (1673—ca. 1800 A.D.) / رهوج يركن تياكح," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 10, no. 1 (113): 164-170.
http://www.jstor.org/stable/41587442

Wurtzburg, C.E. 1938. "A Letter from Captain Light to Lord Cornwallis, Dated 20th June, 1788," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 16, no. 1 (130): 115-122.
http://www.jstor.org/stable/41559909